

18 JAN 1999

Mahathir-Perutusan

JANGAN GAGALKAN USAHA PEMULIHAN EKONOMI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat supaya tidak cuba menggagalkan usaha kerajaan memulihkan ekonomi, sebaliknya berusaha lebih kuat menghidupkan semula segala aktiviti ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata rakyat secara keseluruhannya berdiri teguh bersama kerajaan dan ini berjaya menggagalkan usaha pihak tertentu menghancurkan ekonomi Malaysia sehingga memaksa negara untuk tunduk kepada mereka.

"Saya percaya jika setiap rakyat bersatu hati dan sehaluan, negara kita akan dapat kembali kepada kedudukan asal dalam tempoh yang singkat," katanya dalam perutusan sempena Hari Raya Aidilfitri yang disiarkan menerusi rangkaian radio dan televisyen malam ini.

Beliau memuji rakyat Malaysia yang amat berdisiplin dan sabar dalam menghadapi bencana kegawatan ekonomi kerana mempunyai sikap tidak panik atau hilang haluan serta sanggup berusaha menambahkan hasil pendapatan negara untuk memulihkan semula ekonomi.

Sambil menyatakan rasa yakinnya bahawa kegawatan ekonomi akan reda menjelang abad ke-21, Dr Mahathir berkata kemungkinan negara mengatasi masalah ekonomi dengan cepat juga bertambah apabila kerajaan berjaya membebaskan ekonomi negara daripada tekanan pedagang mata wang dan spekulator saham luar negara.

Katanya kerajaan diberikan kuasa menerusi undang-undang dan perlembagaan untuk melindungi rakyat dan negara ini daripada sebarang ancaman dan dengan kuasa inilah kerajaan dapat menguasai semula nilai ringgit dengan menyekatnya daripada dijual beli oleh pedagang mata wang.

Dr Mahathir berkata walaupun kedudukan ekonomi negara masih terjejas, ia tidaklah mengurangkan kemeriahan sambutan Aidilfitri dengan sikap rakyat Malaysia yang rasional, tenang dan tidak mudah dihasut.

Beliau juga menekankan betapa pentingnya umat Islam di Malaysia memelihara keamanan dan ketenteraman dalam negara.

"Sebabnya ialah, jika ada rusuhan sesama rakyat berbilang kaum di Malaysia, orang Islam jugalah yang akan menjadi mangsa sehingga mungkin mereka menjadi lemah dan dikuasai oleh orang lain," katanya.

Dr Mahathir juga mengingatkan masyarakat di negara ini untuk saling bekerjasama demi kemajuan semua dan tidak merosakkan negara melalui tabiat mementingkan diri sendiri.

Beliau berkata rakyat, terutamanya umat Islam di negara ini, perlu merebut segala peluang yang disediakan bukan saja bertujuan memajukan bangsa dan negara tetapi juga untuk mengembalikan kegemilangan Islam di mata dunia.

"Kita tidak boleh lagi berpeluk tubuh dan melihat orang lain terus maju seiring dengan kemajuan dunia. Kita tidak harus berpuas hati dengan pencapaian dan kejayaan kita setakat ini.

"Kita tidak boleh membiarkan orang lain selalu mendahului kita. Kita harus dikejar dan bukannya mengejar orang lain," kata Dr Mahathir.

Menurutnya jika umat Islam ingin mengembalikan zaman kegemilangan Islam, mereka, antara lain, harus pandai membahagikan masa untuk mempelajari pelajaran yang khusus berkenaan agama dan menguasai ilmu di bidang-bidang lain.

Beliau berkata dengan globalisasi dan penghapusan sempadan kepada pergerakan modal, negara dan umat Islam akan terdedah kepada bahaya yang

amat besar.

"Jika umat Islam masih bersengketa sesama sendiri, masih menolak penguasaan ilmu dan teknologi moden, masih tidak tersusun rapi daripada segi organisasi dan ketertiban, bahaya yang akan datang ini tidak akan dapat dihadapi dan diatasi oleh mereka," katanya.

Dr Mahathir menyelar sesetengah negara Islam yang sanggup bersubahat dengan musuh Islam sehingga menghabiskan kekayaan mereka untuk membeli senjata buatan pihak asing kerana ingin mengalahkan negara Islam lain.

"Inilah sebabnya kita umat Islam tidak boleh menyalahkan musuh Islam sahaja. Orang Islam sendiri tidak kurang bersalah kerana mereka tidak mengikuti ajaran Islam baik berkenaan penguasaan ilmu dan persediaan pertahanan, mahupun desakan supaya umat Islam bersatu dan bersaudara," katanya.

Jika ada sebuah negara Islam yang diiktiraf sebagai kuasa dunia, sudah tentu tidak akan ada mana-mana kuasa dunia lain yang akan menindas umat dan negara Islam dengan sewenang-wenangnya.

Dr Mahathir berkata walaupun Malaysia tidak mungkin menjadi kuasa besar, ia mampu sedikit sebanyak menyumbang kepada pertahanan umat Islam umpamanya dengan kehadiran pasukan tentera negara di Bosnia Herzegovina yang telah menaikkan sedikit semangat penduduk Islam yang diserang puak Serb.

"Ini adalah bukti yang jelas bahawa dengan sedikit usaha daripada kita sudahpun mencukupi untuk kita bertindak dengan berkesan untuk melindungi umat Islam.

"Jika seluruh umat Islam berusaha walaupun sedikit, kesannya sudah mencukupi bagi melindungi umat Islam di seluruh dunia," katanya.

-- BERNAMA

MAM MAI